

ANM(T)81/10/6/10 Jld.5 (13)

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri

Semua Pengarah Negeri dan Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BIL. 5 TAHUN 2007**

**TARIKH AKHIR PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan:

- 1.1 Tarikh akhir penyerahan dokumen kewangan tahun 2007 oleh Kementerian / Jabatan kepada Pejabat Perakaunan bagi melicinkan urusan penutupan dan penyediaan Akaun Awam Persekutuan bagi tahun kewangan 2007;
- 1.2 Implikasi yang akan dihadapi oleh Kementerian / Jabatan jika tidak mematuhi tarikh-tarikh yang telah ditetapkan.

2. TARIKH AKHIR PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN

Tarikh penyerahan dokumen kewangan kepada Pejabat Perakaunan bagi tahun kewangan 2007 yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

<i>BULAN</i>	<i>JENIS DOKUMEN KEWANGAN</i>	<i>TARIKH AKHIR SERAHAN DOKUMEN</i>
Disember 2007	Baucar bayaran manual	15 Disember 2007
	Dokumen Kewangan eSPKB	22 Disember 2007
Januari 2008 (AKB)	Waran Peruntukan Manual	8 Januari 2008
	Baucar Bayaran Manual	7 Januari 2008
	Baucar Bayaran (Kuiiri)	11 Januari 2008
	Penyata Pemungut eSPKB	11 Januari 2008
	Waran Peruntukan eSPKB	11 Januari 2008
	Baucar Bayaran eSPKB	11 Januari 2008
	Baucar Jurnal eSPKB	11 Januari 2008

3. IMPLIKASI JIKA TIDAK MEMATUHI TARIKH-TARIKH YANG TELAH DITETAPKAN

- 3.1 Pegawai Pengawal adalah diingatkan bahawa perkhidmatan / bekalan yang diterima dalam tahun 2007 tetapi tidak sempat mengemukakan baucar bayaran sebelum tarikh yang telah ditetapkan, bayaran perlu dicaj kepada Vot Tahun 2007. Bagi bayaran sedemikian, kelulusan khas di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum bayaran boleh diluluskan.
- 3.2 Semua dokumen kewangan eSPKB yang diluluskan oleh Kementerian/Jabatan selepas tarikh yang telah ditetapkan akan ditolak/dikuiri oleh sistem. Baucar bayaran yang telah ditolak/dikuiri perlu diproses semula oleh Kementerian/Jabatan bagi membolehkan bayaran dibuat dalam tempoh AKB atau dalam tahun kewangan 2008 di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a).


4. PENUTUP

- 4.1 Semua Kementerian/Jabatan diminta untuk merancang lebih awal bagi mengelakkan penyerahan dokumen kewangan pada saat terakhir dan memastikan semua urusan prosesan waran, bayaran, terimaan dan perakaunan bagi tahun kewangan 2007 tidak terganggu.

- 4.2 Pejabat perakaunan adalah diminta untuk menolak dokumen kewangan daripada Kementerian/Jabatan selepas tarikh yang ditetapkan. Ini adalah bertujuan untuk memastikan semua baucar dapat diproses/dibayar dan dicaj ke Vot Tahun 2007.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
Integriti Teras Kecemerlangan Organisasi



(DATO' MOHD SALLEH BIN MAHMUD)
Akauntan Negara Malaysia

29 Oktober 2007

s.k.: Ketua Audit Negara